

**SOALAN NO : 57**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI**  
**MOHAMAD [ LIPIS ]**  
**TARIKH : 15 JUN 2015**  
**SOALAN :**

**YB Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pembinaan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) di Bandar Baru Lipis akan dilaksanakan dan dijalankan memandangkan KKIA yang ada terlalu sempit dan tanah untuk pembangunan oleh Kerajaan negeri juga telah disediakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pembangunan Klinik Kesihatan Bandar Lipis telah diluluskan di dalam RMK-10 2015. Klinik Kesihatan Jenis 3 ini nanti akan dilengkapi dengan Klinik Pesakit Luar, Klinik Pergigian dan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) berserta kuarters kakitangan. Kaedah pelaksanaan bagi projek ini adalah secara konvensional. Pada masa ini ianya sedang di dalam fasa rekabentuk dan dijadualkan untuk ditender pada bulan September tahun ini. Fasa pembinaan dijangka bermula pada penghujung 2015.